



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI JOHOR
(PLANMALAYSIA JOHOR)
IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor atau warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor (PLANMalaysia Johor) bagi jawatan berikut :

1. **JAWATAN** : **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)**
GED : **N1**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**
TARAF JAWATAN : **KONTRAK**

JADUAL GAJI

:

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KAEDAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

- ELAUN** :
- Imbuan Tetap Perkhidmatan Awam : RM115.00**
 - Imbuan Tetap Perumahan : RM300.00**
 - Bantuan Sara Hidup : RM350.00**

a) SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

b) KELAYAKAN LANTIKAN :

- i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00); atau
- ii. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00); atau
- iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,561.00); atau
- iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).

(c) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(d) DESKRIPSI TUGAS :

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

3. CARA MEMBUAT PERMOHONAN

Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan Borang **PMJ/PER/01/2025** yang boleh diperolehi melalui pautan <http://jpbj.johor.gov.my> atau dengan cara mengimbas Kod QR di bawah :-



(a) Borang yang telah lengkap diisi dengan jelas dan terang hendaklah disertakan dengan sekeping **gambar berukuran passport terkini** dan **salinan diakui sah** dokumen-dokumen berikut:

- (i) Salinan Sijil Kelahiran
- (ii) Salinan Kad Pengenalan
- (iii) Salinan Surat Berhenti sekolah yang terakhir
- (iv) Salinan Sijil SPM/SVM/Sijil
- (v) Lain-lain sijil/surat akuan berkaitan

(b) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut :

Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke alamat :-

Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor
(PLANMalaysia Johor)
Aras 1, Bangunan Dato' Mohamad Salleh Perang,
79646 Kota Iskandar,
Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim.

TARIKH BUKA PERMOHONAN : 13 APRIL 2026 (ISNIN)
TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 30 APRIL 2026 (KHAMIS)

(Sila nyatakan nama jawatan yang dipohon pada penjuru sebelah kiri sampul surat)

3. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- (a) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan mestilah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan mengikut Perintah Am Bab Bil.21 dan memastikan Penilaian Prestasi dan Penyata Perkhidmatan yang telah dikemaskini dan terkini disertakan sekiranya dipanggil untuk temuduga.
- (c) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga;
- (d) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak; Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA.**